


**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 6 DISEMBER 2014 (SABTU)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Kikis sindrom 'Aku Layak' dalam UMNO	BERNAMA
2.	Gempa bumi sederhana berlaku di Ternate, Indonesia	BERNAMA
3.	Amaran angin kencang, laut bergelora di perairan Sabah dan Labuan	BERNAMA
4.	Gempa bumi sederhana gegar Yunnan, China	BERNAMA
5.	Lapor sendiri	Harian Metro



## Kikis Sindrom 'Aku Layak' Dalam Umno



KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Sindrom 'aku layak' dalam Umno perlu dikikis jika anggotanya serius mahu melihat parti itu terus maju, kata Timbalan Ketua Umno Bahagian Tangga Batu Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Abu Bakar, yang juga Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, berkata sindrom berkenaan jika wujud hanya membantutkan perkembangan Umno dan menghilangkan daya saing anggota parti untuk maju.

"Akhirnya bila gagal dapat apa yang mereka mahu, jawatan dan sebagainya yang mereka rasa mereka layak, mereka akan menyalahkan sistem dan hilang semangat untuk bersama-sama dalam perjuangan parti," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Alumni Kelab-kelab Umno Luar Negara ke-14, di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Penerangan Umno Datuk Ahmad Maslan yang juga pengerusi alumni kelab berkenaan.

Terdahulu dalam ucapannya, Abu Bakar mengingatkan anggota alumni supaya sentiasa 'semak dan imbang' dengan melihat semula objektif penubuhan alumni itu, antaranya untuk menyumbang tenaga dan kemahiran masing-masing yang diperoleh di luar negara untuk kemajuan parti.

Alumni berkenaan sehingga kini mempunyai kira-kira 1,500 anggota berdaftar daripada kesemua 81 kelab Umno yang ditubuhkan di seluruh dunia.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 6 DISEMBER 2014 (SABTU)



## Gempa Bumi Sederhana Berlaku Di Ternate, Indonesia

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.3 pada skala Richter berlaku di Ternate, Kepulauan Maluku Jumaat malam.

Jabatan Meteorologi berkata gegaran berlaku pada pukul 11.39 malam di Laut Maluku Utara, 160km dari barat laut Kota Ternate dan 938km dari tenggara Semporna, Sabah.

Ia tidak mendatangkan ancaman tsunami.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 6 DISEMBER 2014 (SABTU)



## Amaran Angin Kencang, Laut Bergelora Di Perairan Sabah Dan Labuan

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Amaran angin kencang dan laut bergelora kategori pertama dijangka berterusan di perairan Sabah dan Labuan sehingga Selasa depan.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi](#) hari ini, keadaan sama diramal berlaku di kawasan perairan Condore, Reef North, Layang-layang, Labuan, Palawan, Sulu dan Sulawesi, dalam tempoh yang sama.

Angin kencang timur laut berkelajuan antara 40 dan 50 kilometer sejam dengan ketinggian ombak sehingga 3.5 meter di kawasan-kawasan itu adalah berbahaya kepada bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 6 DISEMBER 2014 (SABTU)



## Gempa Bumi Sederhana Gegar Yunnan, China

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.5 pada skala Richter melanda Yunnan, China pada 6.20 petang Jumaat.

Kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) menyebut pusat gempa ialah 234km tenggara Baoshan, China dan 1,846km utara Padang Besar, Perlis.

Bagaimanapun, tiada ancaman tsunami dilaporkan, kata jabatan itu.

-- BERNAMA

# Lapor sendiri

## ■ Individu mangsa akaun laman sosial palsu boleh adu CSM

Oleh Rizanizam Abdul Hamid  
mrizanizam@hmetro.com.my  
**Kuala Lumpur**

**M**ana-mana individu termasuk golongan artis yang mengetahui kewujudan akaun laman sosial palsu menggunakan identiti mereka boleh melaporkannya kepada CyberSecurity Malaysia (CSM) sekiranya mahu menutup akaun berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Dr Amirudin Abdul Wahab berkata, pihaknya boleh membantu dari sudut panduan nasihat kepada mangsa untuk melaporkan sendiri secara 'online' kepada laman pembekal perkhidmatan bagi menutup akaun palsu berkenaan.

"Contohnya jika pemilik akaun laman pembekal perkhidmatan seperti Facebook (FB) mendapati ia palsu, CSM boleh membantu untuk menganalisis sebelum melaporkannya kepada pembekal FB.

"Pembekal kemudian akan melakukan siasatan mereka sebelum mengambil tindakan termasuk memadamkan akaun palsu berkenaan," katanya ketika dihubungi Harian Metro di sini semalam.

Beliau mengulas laporan Harian Metro sebelum ini mengenai amaran yang diberikan pelakon Nur Fasha Sandha Hassan, 30, terhadap individu yang menyamar sebagai dirinya dengan mewujudkan akaun sosial Facebook palsu sehingga memperdaya 40,000 pengikut yang menyangka ia akaun sebenar dirinya.

Fasha mendedahkan perkara itu menerusi Instagram peribadinya baru-baru ini dan berkata, pengumuman itu perlu dilakukan bagi mengekang penipuan individu itu daripada berlanjutan.

Sebaliknya, pelakon drama bersiri Selamat Pengantin Madu itu menegaskan dia belum mempunyai fanpage di Facebook dan hanya berhubung dengan peminat melalui Instagram @fashasandha dan Twitter @fashasandhal.

Mengulas lanjut Dr Amirudin berkata, kebiasaannya pihak CSM ada menerima kes-kes berkaitan

akaun palsu membabitkan pelbagai pihak dan bukannya tertumpu kepada golongan artis sahaja.



AMIRUDIN

### FAKTA

CSM boleh bantu analisis sebelum lapor kepada pembekal FB